

Jalin kemesraan, erat silaturahmi

Gotong-royong oleh pelajar UMS dan warga Klinik Kesihatan Penampang

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL
conyppearl09@gmail.com

PENAMPANG: Jalinan kemesraan dan ikatan silaturahmi terbentuk melalui semangat gotong royong antara pelajar Tahun Tiga, Program Pemasaran, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan warga kerja Klinik Kesihatan Penampang.

Seramai 70 pelajar dan Pensyarah UMS, Charlie Robert menyertai aktiviti itu yang diadakan di Klinik Kesihatan Penampang.

Charlie yang juga Ketua Program Pemasaran itu berkata, kemeriahan aktiviti gotong royong jelas terpancar apabila beberapa ahli Kelab Warga Emas klinik itu turut menyertai aktiviti bersama dengan Pemimpin Kemajuan Rakyat Moyog, Bryan Matasing.

Katanya, aktiviti itu turut menjadi satu integrasi kepada enam orang pelajar antarabangsa dari negara China yang turut sama menyertai aktiviti itu.

“Aktiviti sedemikian diadakan selaras dengan objektif kami iaitu menjalin perpaduan, kemesraan dan mengeratkan ikatan silaturahmi antara pelajar, warga kerja serta warga emas.

“Di samping itu, aktiviti ini dapat memupuk nilai murni dan seterusnya merealisasikan nilai tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam kalangan pelajar, yang selama



SISA buangan turut dibersihkan.

ini hanya dipelajari dalam bentuk teori dalam bilik kuliah,” katanya.

Tambahnya, gotong-royong mengindahkan klinik itu turut melibatkan beberapa aktiviti seperti menanam, mencantas pokok bunga, membersihkan

stor penyimpanan peralatan klinik dan ubat, membersihkan halaman, ruang dalaman serta mengecat dinding klinik.

“Aktiviti ini secara tidak langsung menjalin ikatan hubungan yang erat dalam kalangan pelajar bersama



GAMBAR kenangan pelajar UMS bersama pihak yang terlibat dalam aktiviti itu.

dengan warga klinik berkenaan.

“Walaupun berbeza dari segi latar belakang, aktiviti ini telah menjadi satu medium perpaduan serta

berjaya memecahkan benteng perbezaan etnik melalui semangat gotong-royong yang ditunjukkan,” katanya.

Dalam pada itu, para pelajar turut diberi pendedahan mengenai kesihatan melalui ceramah ‘Jangkitan Aids dan penyakit kelamin’ yang disampaikan oleh Dr. Emilina Tan Pei Tzu.

Charlie berkata, melalui ceramah itu, pelajar memperoleh informasi berguna mengenai bahaya jangkitan Aids yang kian berleluasa pada masa kini serta input bagi menghindari penyakit kelamin berjangkit.

“Syabas buat pelajar Program Pemasaran Tahun Tiga, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UMS dan sekalung tahniah buat warga kerja Klinik Kesihatan Penampang serta warga emas yang terlibat,” katanya.



WARGA emas dan pelajar ketika menanam pokok bunga.



EMILINA (kanan) menyampaikan ceramah kesihatan kepada pelajar. (Gambar atas)

MENGECAT dinding turut dilakukan. (Gambar kiri)

POKOK bunga turut dicantas untuk mengekalkan keindahan kawasan klinik. (Gambar kanan)

